



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA BAHAGIAN
PENGURUSAN HARTANAH GMPC**

SEBUT HARGA: BPH/SH/1101/2024

1. Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan Kod Bidang 221510 dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini akan diterima. Sebut Harga dibuka pada **15 Nov 2024 (Jumaat)** sehingga pulak 12.00 tengahari pada **21 Nov 2024 (Khamis)** bagi kerja seperti berikut:

**SEBUTHARGA KERJA-KERJA PEMASANGAN BARU SISTEM PARKIR TANPA
TUNAI DI KOMPLEK BANGUNAN GETAH ASLI, 148 JALAN AMPANG, K. LUMPUR**

2. Borang / Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM 30.00** dengan menggunakan **tunai atau banker's cheque** (atas nama **LGM Properties Corporation**) di Bahagian Perolehan & Pentadbiran, LGM Properties Corporation, Tingkat 3, Bangunan Getah Asli, 148 Jalan Ampang.
3. Sampul Borang Sebut Harga mestilah dijadulkannya seperti yang ditetapkan dan borang sebut harga tawaran tersebut hendaklah dimasukkan dalam Peti Tawaran di **LGM Properties Corporation, Tingkat 3, Bangunan Getah Asli (Unit Perolehan, Jawatankuasa Sebutharga)**, sebelum masa tawaran ditutup. Borang Sebut Harga yang lewat dikembalikan **TIDAK** akan dipertimbangkan untuk menyertai sebut harga ini.
4. Lawatan tapak adalah **TIDAK WAJIB** tetapi penyebutharga boleh membuat lawatan pada bila-bila masa dengan membuat temujanji dan lawatan hanyalah pada hari dan waktu bekerja sahaja.
5. LGM Properties Corporation tidak semestinya menerima Sebut Harga yang paling rendah atau pun terikat kepada sebarang Sebut Harga.

Tarikh: **11 Nov 2022**

.....t.t.....

Pengurus Perolehan LGMPC

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif LGMPC

LGM Properties Corporation Tingkat 3,
Bangunan Getah Asli, 148 Jalan Ampang,
50450, Kuala Lumpur.

**SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN / KERJA)**

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
1.	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan Kod Bidang 221510	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Bahagian A,B,C,D,E & F yang telah lengkap diisi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Borang Sebutharga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Surat Akuan Pembida yang telah lengkap diisi dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Pematuhan Syarat-syarat Am Sebutharga yang telah ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir (wajib disertakan dan perlu disahkan oleh pihak Bank) ATAU; Salinan Penyata Penyata Kewangan untuk 2 tahun terakhir (wajib disertakan dan perlu disahkan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Jadual Harga dan Rumusan Tawaran Sebutharga telah lengkap diisi dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Lampiran 1 & 2 – Jadual Spesifikasi & Jadual Penyelenggaraan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<u>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</u>		<u>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</u>	
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.		Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)	
Tandatangan :		Tandatangan:	
Nama :		Nama:	
Jawatan:		Jawatan :	
Tarikh:		Tarikh :	
		Tandatangan:	
		Nama:	
		Jawatan :	
		Tarikh :	

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH
NO. SEBUT HARGA:	BPH/SH/1101/2024

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: BPH/SH/1101/2024

Tarikh :

Sebut Harga adalah diterima di Pejabat LGM Properties Corporation (Jawatankuasa Buka Sebutharga) sehingga pukul 12.00 tengahari 21 November 2024 bagi kerja-kerja berikut:

SEBUTHARGA KERJA-KERJA PEMASANGAN BARU SISTEM PARKIR TANPA TUNAI DI KOMPLEK BANGUNAN GETAH ASLI, 148 JALAN AMPANG, K. LUMPUR

Nama Kontraktor :

Alamat :

.....

.....

No. Telefon :

Tuan,

Pejabat ini menjemput tuan mengemukakan sebut harga untuk kerja di atas. Sila kemukakan Borang Sebut Harga yang telah diisi di dalam sampul surat yang telah dimeterai dan masukkan ke dalam peti sebutharga pejabat yang mengeluarkan borang tersebut.

2. Sila tulis dibahagian atas sampul surat berukuran 9" X 12" **Nama, Nombor Sebut Harga, masa dan tarikh tutup** seperti yang disebut di atas dan alamat pejabat yang mengeluarkan sebutharga. Dokumen Sebut Harga tidak boleh dilipat.

Sekian.

Yang Menjalankan Tugas,

.....t.t.....
Pengurus Perolehan LGMPC

b.p Ketua Pegawai Eksekutif LGMPC

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH
NO. SEBUT HARGA:	BPH/SH/1101/2024
ARAHAN KEPADA PENENDER / PENYEBUTHARGA	

Tajuk Sebut Harga:

SEBUTHARGA KERJA-KERJA PEMASANGAN BARU
SISTEM PARKIR TANPA TUNAI DI KOMPLEK BANGUNAN
GETAH ASLI, 148 JALAN AMPANG, K. LUMPUR

1. HAK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

LGM Properties adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Rumusan Tawaran Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja 5 tahun (wajib dilampirkan sesalinan surat tawaran berkenaan)
- (d) Tandatangan Perakuan kepada Syarat-syarat Am yang dikenakan.
- (e) Tandatangan kepada Bidang Kerja Utama (jika berkenaan)
- (f) Tandatangan kepada Spesifikasi (jika ada).
- (g) Profail Syarikat (wajib dilampirkan)
- (h) Borang A,B,C,D,E & telah dilengkapkan beserta dokumen yang perlu dilampirkan
- (i) Dokumen sebutharga yang lengkap perlu diikat bersama Profail Syarikat

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, tidak akan dipertimbangkan.

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH
NO. SEBUT HARGA:	BPH/SH/1101/2024
ARAHAN KEPADA PENENDER / PENYEBUTHARGA	

- (c) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebut Harga pada tarikh tutup Sebut Harga akan membolehkan pihak kami mengambil tindakan tata-tertib.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

2. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Petender sendiri.

3. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut Harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Petender tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga. Pengesyoran tindakan tata tertib akan diambil sekiranya kontraktor menarik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

4. BON PELAKSANAAN

Penyebutharga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dengan kadar peratus yang ditetapkan seperti dijelaskan di dalam Pematuhan Syarat-Syarat Am Sebut Harga di muka surat SA/6 berkaitan Bon Pelaksanaan Para 15 (a)(b) dan (c).

LGM PROPERTIES CORPORATION

BAHAGIAN A: BUTIRAN PEMBIDA/PENENDER

(Bahagian ini hendaklah diisi walaupun penender ada mengemukakan Profil Syarikat yang sedia mengandungi maklumat-maklumat yang sama.)

1. Nama Syarikat Berdaftar:
2. Nombor Pendaftaran Syarikat:
3. Tarikh Pendaftaran:
4. Alamat Berdaftar:
.....
.....
5. No. Telefon:
6. No. Fax:

BAHAGIAN B: PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR

No. Pendaftaran Kelas Pendaftaran Tarikh Pendaftaran

1. SSM
.....

2. Khidmat Kontrak, PKK
.....

3. Kementerian Kewangan
.....

4. Lain-lain
.....

(Penender perlu kemukakan salinan setiap Sijil Pendaftaran yang telah dibuat sebagai bukti pendaftaran yang sah)

BAHAGIAN C: PENGARAH SYARIKAT DAN KEDUDUKAN KEWANGAN

- | 1. Nama | Jawatan | Pegangan Saham |
|--------------------------------|---------|----------------|
| a) | | |
| b) | | |
| c) | | |
| 2. Modal Dibenarkan: | | |
| 3. Modal Berbayar: | | |
| 4. a) Jumlah Tanggungan: | | |
| b) Jumlah Aset Tetap: | | |
| c) Jumlah Aset Cair: | | |
| 5. Bank Didaftarkan: i) | | |
| ii) | | |
| iii) | | |

(Penender perlu kemukakan Salinan penyata bulanan akaun bank 3 bulan terakhir dan/atau penyata kewangan 2 tahun berakhir (yang berkenaan))

BAHAGIAN D: SENARAI PENGALAMAN KERJA

**Senarai pengalaman kerja yang TELAH disiapkan dalam tempoh 5 tahun.
(SALINAN SURAT TAWARAN PERLU DIKEMUKAKAN BERSAMA SEBAGAI
PEMBUKTIAN)**

**Senarai Kerja Yang SEDANG dilaksanakan
(SALINAN SURAT TAWARAN PERLU DIKEMUKAKAN BERSAMA SEBAGAI
PEMBUKTIAN)**

**BAHAGIAN E: Senaraikan Nama-Nama Pekerja Binaan (SALINAN CARUMAN KWSP
PERLU DIKEMUKAKAN BERSAMA SEBAGAI PEMBUKTIAN)**

**BAHAGIAN F: Senaraikan Bilangan Aset Jentera Yang Dimiliki Sendiri (SALINAN GERAN
PERLU DIKEMUKAKAN BERSAMA SEBAGAI PEMBUKTIAN)**

SEBUT HARGA BAHAGIAN:

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH

NO. SEBUT HARGA:

BPH/SH/1101/2024

BORANG SEBUT HARGA

Ketua Pegawai Eksekutif
LGM Properties Corporation

Tuan,

**SEBUTHARGA KERJA-KERJA PEMASANGAN BARU SISTEM PARKIR TANPA TUNAI DI
KOMPLEK BANGUNAN GETAH ASLI, 148 JALAN AMPANG, K. LUMPUR**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Petender, Syarat-Syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksana dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal RM..... Ringgit Malaysia

.....

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa Minggu, dari tarikh akhir tempoh mula kerja.

Bertarikh pada haribulan

T/Tangan:
(Kontraktor)

T/Tangan:
(Saksi)

Nama Penuh :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan:

.....
Meteri atau Cop Kontraktor.

SURAT AKUAN PEMBIDA

**SEBUTHARGA KERJA-KERJA PEMASANGAN BARU SISTEM PARKIR TANPA TUNAI DI
KOMPLEK BANGUNAN GETAH ASLI, 148 JALAN AMPANG, K. LUMPUR**

(NO. Sebutharga: BPH/SH/1101/2024)

Saya,..... no. K.P: yang mewakili
(.....) nombor Pendaftaran (.....)
dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini
tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **LGM Properties
Corporation** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender /
sebut harga / cabutan undian / lantikan terus seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat
Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat
pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **LGM Properties Corporation**
tender / sebut harga / cabutan undian / lantikan terus atau mana-mana individu lain sebagai
sogokan untuk dipilih dalam tender / sebut harga / cabutan undian / lantikan terus seperti di atas,
maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender / sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender / sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
manu individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender /
sebut harga / cabutan undian / lantikan terus seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan
segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia
(SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama:

No.K/P:

Cop Syarikat :

Catatan :

- i. * Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii. Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

PEMATUHAN SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

- 1.1 Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjelaskan sebutuharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

Kontraktor dikehendaki mengambil Insurans-insurans berikut bagi sepanjang tempoh kerja dijalankan.

- 2.1. Insuran Semua Risiko / Kerja (Contractor All Risks)

Jumlah kemalangan hendaklah tiada terhad bagi sepanjang tempoh kontrak dan liputan minimum bagi setiap kemalangan seperti jadual dibawah:

Harga Kontrak	Liputan Minimum bagi setiap kemalangan
Tidak melebihi RM 50,000.00	RM 10,000.00
RM 50,001.00 hingga 100,000.00	RM 25,000.00
RM 100,001.00 hingga 200,000.00	RM 50,000.00
RM 300,001.00 hingga 500,000.00	RM 100,000.00
RM 500,001.00 hingga RM 5 juta	RM 300,000.00

- 2.2 Insurans Pampasan Pekerja (*Workmen's Compensation*) di atas nama kontraktor dengan nilai polisi tidak kurang 30% dari harga kontrak.

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Projek semua polisi insurans yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran permium adalah mencukupi. Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah Nota-nota Perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Projek berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasa 9 (d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Rumusan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen

Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Projek atau wakilnya. Sebarang penambahan kerja yang tidak tercatat dalam syarat tawaran, LGM Properties Corporation tidak akan bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran.

- 3.2 Kontraktor juga hendaklah mematuhi jadual projek iaitu tarikh mula dan tarikh siap dan sekiranya kontraktor menghadapi sebarang masalah hendaklah merujuk kepada BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH, LGM Properties Corporation.
- 3.3 Kontraktor hendaklah melaporkan kepada wakil Pegawai Projek LGM Properties Corporation dan pihak pelanggan sebaik sahaja kerja-kerja dimulakan. Kontraktor hendaklah sentiasa memberikan maklumbalas tentang perkembangan projek dan mudah dihubungi dengan mengemukakan nombor telefon terkini dan alamat pejabat tetap.
- 3.4 Kerja-kerja yang dilaksanakan perlu kemas dan menepati prosedur yang betul. Perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian :-
 - 3.4.1 Kekemasan semasa dan sesudah kerja-kerja dilaksanakan
 - 3.4.2 Untuk kerja-kerja mengecat, warna cat hendaklah dipersetujui oleh pemilik bangunan iaitu LGMPC/LGM dan cat digunakan hendaklah bersetujuan dengan penjenisan cat sama ada kayu/besi atau simen.
 - 3.4.3 Sisa-sisa bahan pembinaan hendaklah dibersihkan dan tidak boleh ditinggalkan sama sekali.
 - 3.4.4 Semasa kerja-kerja projek sedang dijalankan barang-barang dan alatan kerja perlulah disimpan dengan kemas dan teratur untuk mengelakkan berlakunya sebarang kemalangan yang tidak diingini.

4. PEMILIKAN TAPAK DAN KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Kontraktor hendaklah memulakan kerja dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan dan hendaklah mengikut arahan & kelulusan Pegawai Projek atau wakilnya. Jika kontraktor gagal memulakan kerja dalam tempoh tujuh (7) hari tanpa sebarang sebab-sebab yang munasabah, Sebutharga akan dibatalkan dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap kontraktor mengikut syarat- syarat pendaftaran.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

- 5.1. Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerah hak apa-apa faedah di bawah Sebutharga Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Projek.